NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 57<br>Bil. 21 | **7hb Oktober 2004** | *TAMBAHAN*<br>*No. 1* |


ENAKMEN RIZAB MELAYU

[N.M. Bab 142]

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

[F.M.S. Cap 142]

**No. 1323.**

PEMBATALAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH DARIPADA
RIZAB MELAYU KWAK - LAPANG NINERING

PARTIAL REVOCATION OF LAND FROM THE KWAK - LAPANG
NINERING MALAY RESERVATIONS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4(i)(b) Enakmen Rizab Melayu *[N.M.B. Bab 142],* Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta,* maka kawasan yang diperihalkan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisytiharkan sebagai Rizab Melayu Kwak - Lapang Ninering mengikut Pemberitahuan No. 7546 yang telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertarikh 31 Oktober 1924 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Tanah Rizab Melayu itu.

JADUAL

Tanah seluas kira-kira 61.65 hektar dalam Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak yang bergarisan tepi warna kelabu pada P.*W*. 1644 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 23 September 2004
[PTG.PK. 270/7-70(D)IKS; JUPK. 932 Jld. 9(18);
PU. Pk. 67/71-50 Jld. 1]

DATO' SERI DIRAJA (DR) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
*Menteri Besar*
*Perak*

In exercise of the powers conferred by paragraph 4(i)(b) of the Malay Reservations Enactment *[F.M.S. Cap. 142]*, the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan with the approval of the Ruler of the State in Council hereby declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as Kwak - Lapang Ninering Malay Reservation *vide* Notification No. 7546 published in the Federated Malay States Government *Gazette* dated 31 October 1924 shall cease to be part of the Malay Reservation.

SCHEDULE

The land approximately 61.65 hectares in the Mukim of Pengkalan Hulu, District of Hulu Perak outlined in grey on P.*W*. 1644 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 23 September 2004
[PTG.PK. 270/7-70(D)IKS; JUPK. 932 Jld. 9(18);
PU. Pk. 67/71-50 Jld. 1]

DATO' SERI DIRAJA (DR) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
*Menteri Besar*
*Perak*

**No. 1324.**

PENGISYTIHARAN RIZAB MELAYU BUKIT JERAI

DECLARATION OF BUKIT JERAI MALAY RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 4(i)(c) Enakmen Rizab Melayu *[N.M.B. Bab 142]*, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta*, maka kawasan yang diperihalkan dalam Jadual hendaklah menjadi suatu Perizaban Melayu yang dikenali sebagai Rizab Melayu Bukit Jerai.

JADUAL

Tanah seluas kira-kira 60.79 hektar dalam Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak yang bergarisan tepi warna kelabu pada P.*W*. 1643 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 23 September 2004
[PTG.PK. 270/7-70(D)IKS; JUPK. 932 Jld. 9(19);
PU. Pk. 67/71-50 Jld. 1]

DATO' SERI DIRAJA (DR) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
*Menteri Besar*
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i)(c) of the Malay Reservations Enactment *[F.M.S. Cap. 142]*, the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan with the approval of the Ruler of the State in Council declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the area described in the Schedule shall be a Malay Reservation to be known as Bukit Jerai Malay Reserve.

SCHEDULE

The land of approximately 60.79 hectares in the Mukim of Pengkalan Hulu, District of Hulu Perak outlined in grey on P.*W*. 1643 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 23 September 2004
[PTG.PK. 270/7-70(D)IKS; JUPK. 932 Jld. 9(19);
PU. Pk. 67/71-50 Jld. 1]

DATO' SERI DIRAJA (DR) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI
*Menteri Besar*
*Perak*

## AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948
(Akta 92)

## SUBORDINATE COURTS ACT 1948
(Act 92)

**No. 1325.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU

APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 78(b) Akta Mahkamah Rendah 1948 *[Akta 92]*, Pihak Berkuasa Negeri atas syor Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, telah melantik Encik Harmi Thamri bin Mohamad @ Shaharudin sebagai Majistret Kelas Satu di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai 1 April 2004.

In exercise of the powers conferred by paragraph 78(b) of the Subordinate Courts Act 1948 *[Act 92]*, the State Authority on the recommendation of the Chief Judge of the High Court in Malaya, has appointed Encik Harmi Thamri bin Mohamad @ Shaharudin to be a First Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 1 April 2004.

Bertarikh 14 September 2004
Dated 14 September 2004
[PSUK.Pk.(BPK)1A 355/951/2/1 Jld. 3(8);
P.U. Pk. 47/99(A)2]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha/Secretary*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*
*Perak*

**No. 1326.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 *[Akta 92]*, Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Meor Hijdayat bin Ismail sebagai Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai 23 April 2004.

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 *[Act 92]*, the State Authority has appointed Encik Meor Hijdayat bin Ismail to hold the office of a Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 23 April 2004.

Bertarikh 14 September 2004
Dated 14 September 2004
[PSUK.Pk.(BPK)1A 355/951/2/2-6 (46);
PU. Pk. 47/99(B)]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha/Secretary*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*
*Perak*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

**No. 1327.**

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 *[Akta 56/65]*, Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Abu Hassan bin Omar sebagai Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai 18 Disember 2003 bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code *[Act 56/65]*, the State Authority has appointed Encik Abu Hassan bin Omar to be an Assistant Land Administrator in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 18 December 2003 for the purpose of the said Code.

Bertarikh 14 September 2004
Dated 14 September 2004
[PSUK.Pk.(BPK) 1A 355/951/2/3 Jld. 3(16);
PU. Pk. 47/99(B) 8]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha/Secretary*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*
*Perak*

**No. 1328.**

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
BAGI DAERAH-DAERAH

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATORS
IN AND FOR THE DISTRICT

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 *[Akta 56/65]*, Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code *[Act 56/65]*, the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names as specified in column (3) for the purposes of the Code.

JADUAL/SCHEDULE

| (1) | (2) | (3) |
|---|---|---|
| Encik Meor Hijdayat bin Ismail | Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Kinta, Batu Gajah, Perak | 23-4-2004 |
| Encik Tan bin Hairuddin | Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Hilir Perak, Perak | 31-3-2003 |

Bertarikh 14 September 2004
Dated 14 September 2004
[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/2/2-6(45);
PU. Pk. 51/99]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN
*Setiausaha/Secretary*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*
*Perak*

**No. 1329.**

Seksyen 261

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohamed bin Nordin yang beralamat di No. 3, Gerai Majlis Daerah, Jalan Masjid, 35000 Tapah, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Batang Padang, Tapah pada 15 Oktober 2004, jam 9.30 pagi.

Oleh yang demikian menurut Seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak dapat dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenderiang. No. P.T.—1492. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 1829. Bahagian tanah—Semua bhg. No. berdaftar gadaian—No. Perserahan: 255/94 Jilid: 109 Folio: 27.

Bertarikh 24 September 2004
[PTBP(D) 9/425]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL
*Penolong Pegawai Daerah (T)*
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Batang Padang, Tapah*

**No. 1330.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Azmi bin Ayob, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam yang akan diadakan pada hari Rabu, 20 Oktober 2004, jam 10.00 pagi;

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM43,200.00 (Ringgit: Empat Puluh Tiga Ribu Dua Ratus sahaja) dan

(c) Bukan Simpanan Melayu.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:

(a) RM34,724.98 Bumiputra Commerce Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM4,320.00 (Ringgit: Empat Ribu Tiga Ratus Dua Puluh sahaja);

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 20 Februari 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kota Lama Kiri. No. Lot—8673. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1989. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1574/96 Jilid: 57 Folio: 78 Kpd. BCBB.

Bertarikh 24 September 2004
[PDKK/T/LA/KLI/15/2003]

AZMI BIN AYOB
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kuala Kangsar*
*Perak*

**No. 1331.**

Saya, Azmi bin Ayob, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/ bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah;

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam yang akan diadakan pada hari Rabu, 20 Oktober 2004, jam 11.00 pagi;

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM40,000.00 (Ringgit: Empat Puluh Ribu sahaja) dan

(c) Bukan Simpanan Melayu.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:

(a) RM48,052.84 Malayan Banking Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM4,000.00 (Ringgit: Empat Ribu sahaja);

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 20 Februari 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sayung. No. Lot—9527 (Pt 434). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 966 H.S.(M.) 378. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 853/98 Jilid: 60 Folio: 65 Kpd. MBB.

Bertarikh 21 September 2004
[PDKK/T/LA/SOG/13/2003]

AZMI BIN AYOB
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Kuala Kangsar*
*Perak*

**No. 1332.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Manap bin Ismail, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 21 Oktober 2004, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Tapah; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM82,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM82,692.56.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bidor. No. P.T.—4444. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4506. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1049/2001.

Bertarikh 24 September 2004
[PTBP(D) 9/410]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL
*b.p. Pentadbir Tanah*
*Batang Padang, Tapah*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960
(Act 486)

**No. 1333.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 *(Akta 486)* Untuk Projek Pembinaan Laluan Belakang Di Rancangan Perumahan Awam Jalan Bemban II (Fasa III).

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 *(Act 486)* for Projek Pembinaan Laluan Belakang Di Rancangan Perumahan Awam Jalan Bemban II (Fasa III).

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas area situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kinta. Mukim—Sg. Terap.

| No. Lot Ukur / Survey Lot No. | Hakmilik Atau Kependudukan / Title Or Occupation | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan / Registered Proprietor Or Recorded Occupant | Keluasan Lot / Area of Lot | Anggaran Keluasan Yang Akan Diambil / Approximate Area to be Acquired |
|---|---|---|---|---|
| | Geran | | HEKTAR | M.P. |
| 42837 | 53593 | Yong Chon Yeen 1/8 bhg., Yong Siew Voon 1/8 bhg., Yong Kok Sing @ Yong Yoong 1/4 bhg., Yong Voon Kee 1/4 bhg. dan Yong Fooi Kee 1/4 bhg. | 5.5669 (13.756 ekar) | 4332.5 (46,634.6 k.p.) |

Bertarikh 25 September 2004
Dated 25 September 2004
[PTG. Pk. 175/4-17(C); KP. 7-4/03;
PU. Pk. 67/71-37(22)]

DATO' HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON
*Pengarah Tanah dan Galian Perak/*
*State Director of Lands and Mines Perak*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA